

Sebahagian jambatan baharu Sungai Gombak dibuka hari ini

KUALA LUMPUR – Sebahagian jambatan Sungai Gombak yang menghubungkan Jalan Raja Laut dan Jalan Kuching di sini akan dibuka kepada pengguna mulai hari ini.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berkata, pembukaan laluan itu dijangka dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di ibu kota terutamanya di sekitar kawasan Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) yang menjadi tumpuan orang ramai khususnya semasa Ramadan nanti.

Beliau berkata, sebahagian jam-

batan yang dibuka itu melibatkan laluan dari Jalan Raja Laut menghala ke Jalan Kuching Selatan (menghala ke Cheras).

“Sebahagian lagi laluan jambatan itu yang menghubungkan Jalan Raja Laut menghala ke Jalan Kuching Utara (menghala ke Kepong) masih dalam pembinaan.

“Projek ini merupakan satu keperluan bagi mengurangkan kesesakan di

Jalan Raja Laut dan persimpangan berlampu isyarat di Jalan Sultan Ismail,” katanya ketika dihubungi semalam.

Menurut Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur (DBKL), skop kerja projek itu ialah pembinaan sebuah jambatan menyeberangi Sungai Gombak untuk dua laluan kereta, satu laluan motosikal serta dua laluan pejalan kaki dan membina sebuah jejambatan menyeberangi Jalan Kuching ke arah utara.

Kerja-kerja fizikal telah dimulakan sejak 18 Julai 2013 dan pembinaan projek jambatan Sungai Gombak itu dijangka siap sepenuhnya pada awal atau pertengahan tahun depan.

Ahmad Phesal memberitahu, pihaknya juga sedang membuat penambahbaikan di kaki lima di sekitar jalan TAR dan kerja-kerja berkenaan dijangka siap dalam tempoh dua bulan lagi. – Bernama



AHMAD PHESAL



GAMBAR fail pada 25 Mei lalu menunjukkan kerja-kerja pembinaan jambatan menyeberangi Sungai Gombak dari Jalan Raja Laut ke Jalan Kuching, Kuala Lumpur sedang rancak dijalankan oleh kontraktor.